

**Terma-Terma Dan Syarat-Syarat Am bagi Penjualan Dalam Talian
TomTom International B.V.
Rembrandtplein 35, 1017 CT Amsterdam, The Netherlands
("TomTom")**

1) Skop

Terma-terma dan Syarat-syarat ini terpakai kepada semua pesanan yang dibuat atau bakal dibuat oleh anda bagi sebarang barangan, perkhidmatan atau langganan yang ditawarkan kepada anda dalam atau melalui laman web TomTom, TomTom HOME, peranti TomTom atau aplikasi TomTom yang lain (dirujuk dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini sebagai "Produk"), termasuk tetapi tidak terhad kepada , (i) peranti perkakasan, barangan iringan dan aksesori termasuk peranti, barangan atau aksesori yang mengandungi perisian yang telah siap dipasang ("Perkakasan") dan (ii) perkhidmatan yang ditawarkan oleh TomTom dari semasa ke semasa ("Perkhidmatan"), yang mungkin termasuk (secara berasingan atau tergabung) perkhidmatan berasaskan Internet atau perkhidmatan berasaskan lokasi, perkhidmatan data, perkhidmatan maklumat masa nyata seperti maklumat trafik dan ramalan keadaan cuaca, atau penyediaan data lain, maklumat, kefungsiian (pihak ketiga) atau kandungan, sama ada ditawarkan kepada anda atas dasar langganan ("Langganan") atau atas dasar prabayar dan dihantar dalam satu atau lebih daripada satu bahagian.

2) Pesanan

- a) Sebarang pesanan yang dibuat adalah tertakluk kepada penerimaan oleh TomTom. Perjanjian hanya selesai dicapai apabila TomTom menerima pesanan melalui pengesahan pesanan.
- b) TomTom merizab hak untuk menolak sebarang pesanan dengan sepenuhnya atau sebahagiannya atau untuk mengenakan jumlah pesanan maksimum.
- c) Semua pesanan Perkakasan adalah tertakluk kepada ketersediaan stok.

3) Harga dan pembayaran

- a) Harga yang ditunjukkan di laman web adalah termasuk VAT. Caj penghantaran dan pengendalian (jika ada) akan dikenakan di samping harga yang dinyatakan di laman web. Anda bertanggungjawab bagi sebarang cukai jualan tempatan, cukai lain dan levi kerajaan, jika ada, berkaitan dengan pesanan tersebut. Harga adalah tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa tetapi tidak akan menjejaskan pesanan bagi Perkakasan, perisian (yang siap dipasang) ("Perisian") atau Perkhidmatan yang dibuat sebelum tarikh perubahan (tertakluk kepada klausa 7c).
- b) Semua pesanan hendaklah dibayar melalui perkhidmatan pembayaran yang disediakan oleh TomTom ("Perkhidmatan Pembayaran"). Untuk membuat pesanan dan menggunakan Perkhidmatan Pembayaran, anda hendaklah memberikan butir-butir kaedah pembayaran pilihan anda, alamat bil dan penghantaran (jika berkenaan) dan/atau sebarang butir-butir yang perlu untuk menyempurnakan pesanan.
- c) Sekiranya, atas apa-apa sebab jua, pungutan melalui Perkhidmatan Pembayaran gagal dilaksanakan, TomTom akan menginvois anda melalui pos bagi jumlah yang perlu dibayar, dan jumlah ini hendaklah dibayar melalui cek, kiriman pos atau kad kredit dalam masa 15 hari dari tarikh invois.

4) Penghantaran dan risiko kehilangan

- a) TomTom akan berusaha sedaya-upaya untuk menghantar atau mengaktifkan Produk dalam masa 30 hari dari tarikh penerimaan pesanan. Jika pelbagai Produk dipesan, TomTom merizab hak untuk menghantar atau mengaktifkan setiap Produk secara berasingan.
- b) Produk akan dihantar sama ada ke alamat penghantaran anda, atau ke dalam milikan anda atau secara elektronik. Risiko kehilangan atau kerosakan Produk akan beralih kepada anda pada saat Produk diserahkan kepada anda.

- c) Jika anda enggan atau cuai menerima penghantaran Produk, TomTom merizab hak untuk mengenakan caj ke atas anda bagi kos munasabah untuk menyimpan Produk sehingga penghantaran boleh dibuat.
- d) Sekiranya penghantaran kepada anda gagal dilakukan atas sebarang sebab jua yang di luar kawalan TomTom, TomTom merizab hak untuk membatalkan perjanjian dan memulangkan sebarang wang yang dibayar.
- e) Jika TomTom tersilap menghantar Produk kepada anda atau tersilap mengaktifkan Produk di atas peranti anda, anda hendaklah memaklumkan TomTom tentang kesilapannya dengan serta-merta melalui e-mel di <http://www.tomtom.com/support> dan anda hendaklah, atas permintaan TomTom, dengan serta-merta mengatur bagi pemulangan Produk (dan kosnya akan ditanggung oleh TomTom), menyahpasang atau memusnahkan Produk.
- f) Penerimaan Produk yang tidak dipesan tidak melepaskan anda daripada penerimaan dan pembayaran Produk yang pada awalnya dipesan, melainkan dipersetujui sebaliknya dengan TomTom.

5) Dasar Pembatalan Perkakasan

- a) TomTom membenarkan anda membatalkan perjanjian pembelian bagi Perkakasan atas sebarang sebab jua, dengan syarat Perkakasan belum lagi digunakan, pada bila-bila masa dalam masa 14 hari bekerja berikutan tarikh penghantaran kepada alamat penghantaran anda, dan akan memulangkan harga pembelian yang sebenarnya dibayar. Jika anda memilih untuk membatalkan perjanjian pembelian bagi Perkakasan, anda hendaklah menghubungi TomTom dalam masa 14 hari bekerja berikutan penghantaran melalui e-mel di <http://www.tomtom.com/support> untuk mendapatkan nombor Kebenaran Bahan Pulangan dan memulangkan Perkakasan dalam bungkusan asalnya, bebas daripada semua faedah, lien atau tuntutan selainnya, kepada alamat yang diberikan oleh TomTom. TomTom boleh mengenakan caj ke atas anda bagi sebarang kos penghantaran atau kos pos berkaitan yang ditanggung.
- b) Anda bersetuju bahawa pelaksanaan Perkhidmatan oleh TomTom akan bermula dengan serta-merta apabila TomTom menerima pesanan anda. Anda tidak boleh membatalkan Perkhidmatan tersebut selepas pelaksanaan dimulakan, yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, muat turun, pemasangan atau pengaktifan Perkhidmatan oleh anda.

6) Lesen, Hakcipta & Kerahsiaan

- a) Anda diberikan lesen untuk menggunakan Perisian dan/atau data, maklumat, kefungian (pihak ketiga) atau kandungan lain (“Kandungan”) yang disediakan kepada anda sebagai sebahagian daripada Perkakasan atau melalui Perkhidmatan, untuk penggunaan peribadi dan persendirian sahaja berdasarkan terma-terma yang dibentangkan dalam klausa 6 ini (“Lesen”). Anda boleh memasang dan menggunakan Perisian dan Kandungan hanya di atas satu komputer atau peranti pada sesuatu masa dan digabungkan dengan hanya satu sistem pengemudian. Anda tidak boleh menyediakan Perisian atau Kandungan kepada orang lain, secara langsung atau tidak langsung, untuk kegunaan mereka atau orang lain. Lesen ini bukan eksklusif dan tidak boleh dipindahkan, yang bermakna bahawa TomTom bebas untuk melesenkan Perisian dan Kandungan kepada pelanggan lain dan bahawa hak anda untuk menggunakan Perisian dan Kandungan tidak boleh dipindahkan oleh anda kepada orang lain. Lesen ini tidak termasuk sebarang hak untuk mendapatkan peningkatan, pengemaskinian atau tambahan di masa hadapan bagi Perisian atau Kandungan, melainkan TomTom dengan khusus menyatakan bahawa memperolehi peningkatan, pengemaskinian atau tambahan sedemikian membentuk bahagian penting Produk. Jika peningkatan, pengemaskinian atau tambahan kepada Perisian atau Kandungan diperolehi, penggunaan peningkatan, pengemaskinian atau tambahan sedemikian dikawal oleh Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau sebarang terma-terma dan syarat-syarat lain yang diminta diterima oleh anda sebelum TomTom membekalkan peningkatan, pengemaskinian atau tambahan sedemikian kepada anda.
- b) TomTom merizab hak, dengan atau tanpa notis, untuk memberhentikan perkhidmatan peningkatan, pengemaskinian dan tambahan yang diberikan atau disediakan kepada anda

melalui penggunaan Perisian atau Kandungan, melainkan penyediaan peningkatan, pengemaskinian atau tambahan sedemikian membentuk bahagian penting Produk, seperti yang dinyatakan oleh TomTom pada masa penjualan.

c) Tanpa prejudis kepada sebarang hak lain, TomTom boleh dengan serta-merta menamatkan Lesen tanpa perlu adanya notis keingkaran sekiranya anda gagal mematuhi sebarang terma material dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang difahami sebagai termasuk klausa 6 dan 9. Dalam keadaan sedemikian, anda hendaklah memusnahkan semua salinan Perisian dan semua bahagian komponennya serta sebarang Kandungan.

d) Hakcipta dan hak intelek, perindustrian dan/atau keempunyaan terhadap Perisian, Kandungan, dan terhadap sebarang salinan yang dibuat terhadapnya dimiliki oleh TomTom dan/atau pembekalnya. TomTom hanya membenarkan anda menggunakan Perisian dan Kandungan selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Semua hak yang tidak diberikan dengan khusus dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini dirizab oleh TomTom. Anda boleh sama ada (a) membuat satu salinan Perisian semata-mata bagi tujuan sandar atau arkib, atau (b) memindahkan Perisian kepada bahantara tunggal dengan syarat salinan asli disimpan semata-mata bagi tujuan sandar atau arkib. Buku panduan produk atau bahan bertulis tidak boleh disalin, melainkan untuk penggunaan anda sendiri. Anda tidak boleh menyalin, memuat turun, memuat naik atau dalam sebarang cara lain menghasilkan semua Kandungan, melainkan untuk mewujudkan satu salinan semata-mata bagi tujuan sandar atau arkib. Anda tidak memperoleh pemilikan Perisian atau Kandungan.

e) Anda mengakui dan bersetuju bahawa Produk dihasilkan oleh TomTom dengan memakan masa yang lama dan perbelanjaan yang tinggi dan bersifat sulit terhadap TomTom dan/atau pihak ketiga lain, dan merupakan rahsia perdagangan TomTom dan/atau pihak ketiga lain. Anda berakujanji untuk benar-benar menjaga kerahsiaan Produk dan tidak mendedahkan atau memberikan akses terhadap Produk kepada mana-mana pihak ketiga.

7) Langganan

a) Langganan akan dimasuki bagi tempoh masa yang tidak terhad, melainkan TomTom dan anda menyetujui tempoh masa yang ditetapkan.

b) Jika Langganan anda adalah bagi tempoh masa yang tidak terhad, sama ada anda atau TomTom boleh menamatkan Langganan anda dengan mengambil kira tempoh notis selama 30 hari (notis anda akan dihantar: melalui e-mel melalui <http://www.tomtom.com/support>). Tempoh notis ini bermula pada tarikh pungutan pertama selepas penerimaan notis penamatan anda oleh TomTom. Jika Langganan anda adalah bagi tempoh masa yang ditetapkan, Langganan anda akan tamat secara automatik apabila luputnya tempoh masa tersebut.

c) TomTom merizab hak untuk mengubah harga bagi Langganan anda atau terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai kepada Langganan anda, tertakluk kepada pemberian notis munasabah kepada anda tentang perkara ini (sama ada melalui e-mel, laman web TomTom atau sebaliknya). Jika perubahan sedemikian mengakibatkan kenaikan harga atau sebaliknya tidak menguntungkan anda (tetapi bukan dalam keadaan kenaikan harga diakibatkan oleh kenaikan levi atau cukai kerajaan), anda boleh menamatkan Langganan anda sebelum dan terhadap tarikh perubahan sedemikian berkuat kuasa dengan menghantar e-mel melalui <http://www.tomtom.com/support>.

d) TomTom boleh menamatkan Langganan anda atau perkhidmatan berasingan dalam Perkhidmatan tergabung dengan memberikan notis terdahulu selama sekurang-kurangnya 30 hari jika TomTom membuat keputusan untuk berhenti menawarkan Langganan sedemikian atau perkhidmatan berasingan sedemikian masing-masing.

e) TomTom boleh menamatkan atau mengehadkan Langganan anda dengan segera tanpa keperluan notis pelanggaran sekiranya (i) anda gagal mematuhi sebarang terma material dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang difahami sebagai termasuk klausa 6 dan 9, (ii) pungutan melalui Perkhidmatan Pembayaran bagi Langganan gagal selepas percubaan kedua, atau (iii) penggunaan Perkhidmatan melanggar Dasar Penggunaan Wajar TomTom.

f) Apabila Langganan anda ditamatkan, Lesen anda yang dihuraikan dalam klausa 6 akan ditamatkan serentak.

8) Bahan Pihak Ketiga

Produk TomTom mungkin menggunakan perisian, kod, data, maklumat, kefungsiannya dan algoritma lain milik Pihak Ketiga (“Bahan Pihak Ketiga”). Penggunaan Bahan Pihak Ketiga yang dimasukkan dalam Produk mungkin tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat lain. Notis hakcipta rasmi dan syarat lesen khusus bagi Bahan Pihak Ketiga ini boleh didapati dalam atau melalui laman web kami <http://www.tomtom.com/legal>. Anda dengan ini bersetuju bahawa penyerahan sebarang pesanan menandakan bahawa anda telah membaca dan menerima terma-terma dan syarat-syarat bagi sebarang Bahan Pihak Ketiga yang termasuk dalam Produk yang dipesan.

9) Sekatan Lain

Penyewaan, peminjaman, penyampaian secara umum, persembahan atau penyiaran atau sebarang jenis pengedaran lain terhadap Produk adalah dilarang. Kecuali seperti yang dibenarkan oleh perundangan yang terpakai, anda tidak boleh, dan tidak akan membenarkan mana-mana orang, memodifikasi Produk atau sebarang bahagian daripadanya, untuk menganalisis Produk melalui kejuruteraan balikan, untuk menyahkompil (‘decompile’) atau menyahhimpun (‘disassemble’) Produk, untuk memecahkan atau memintasi penyulitan atau membolehkan atau membenarkan pihak ketiga untuk berbuat demikian.

10) Waranti Terhad

a) TomTom tidak dan tidak boleh menjamin bahawa Produk dapat beroperasi dalam keadaan yang benar-benar bebas ralat atau bahawa sebarang maklumat yang diberikan sentiasa tepat. Kesilapan pengiraan boleh berlaku semasa menggunakan sistem pengemudian misalnya disebabkan oleh keadaan persekitaran tempatan dan/atau data yang tidak lengkap atau tidak tepat.

b) TomTom menawarkan waranti terhad bahawa Perkakasan bebas daripada kecacatan dalam mutu kerja dan bahan dengan penggunaan lazim (“Kecacatan”) bagi tempoh satu (1) tahun dari tarikh Perkakasan dibeli, atau dari tarikh pembelian hingga sebarang tarikh anda memungkirkan sebarang Terma dan Syarat ini, tempoh yang mana lebih singkat (“Tempoh Waranti”). Semasa Tempoh Waranti, Perkakasan akan diperbaiki atau digantikan oleh TomTom (“Waranti Terhad”) tanpa sebarang caj sama ada bagi alat ganti atau tenaga pekerja. Jika Perkakasan diperbaiki selepas luputnya Tempoh Waranti, Tempoh Waranti bagi pembaikan akan luput enam (6) bulan selepas tarikh pembaikan. Waranti ini tidak merangkumi Perkhidmatan.

c) Waranti Terhad ini tidak merangkumi kerosakan yang disebabkan oleh haus dan lusuh lazim atau disebabkan Perkakasan dibuka atau diperbaiki oleh seseorang yang tidak dibenarkan oleh TomTom, dan tidak merangkumi kerosakan yang diakibatkan oleh: salah guna, kelembapan, cecair, diletakkan terlalu dekat atau didedahkan kepada haba dan kemalangan, penyalahgunaan, ketidakpatuhan dengan arahan yang dibekalkan dengan Perkakasan, kecuaiannya atau salah pakai. Waranti Terhad tidak merangkumi kerosakan fizikal kepada permukaan Perkakasan.

d) TomTom tidak memberikan apa-apa waranti terhadap Produk di samping Waranti Terhad yang dinyatakan dalam klausa 10 ini. Khususnya, dan sehingga tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, TomTom dan pembekalnya menyediakan Produk “SEPERTI SEADANYA DAN SEMUA KECACATAN”, dan dengan ini menafikan semua waranti dan syarat lain, sama ada nyata, tersirat atau statutori, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang (jika ada) waranti tersirat, kewajipan atau syarat tentang mutu yang memuaskan, kesesuaian bagi tujuan tertentu, kebolehpercayaan atau ketersediaan, tepatnya atau lengkapnya gerak balas, keputusan, usaha tenaga pekerja, ketiadaan virus, dan sikap berjaga-jaga dan kemahiran yang munasabah, semuanya berhubung dengan Produk, dan penyediaan atau kegagalan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan atau perkhidmatan lain, maklumat, perisian dan kandungan berkaitan melalui Produk atau sebaliknya berbangkit daripada penggunaan Produk. Di samping itu, tidak ada waranti atau syarat tentang kenikmatan aman sentosa, milikan aman sentosa, atau ketidaklanggaran berkaitan dengan

Produk. Pengecualian ini tidak terpakai kepada (i) sebarang syarat tersirat tentang hakmilik dan (ii) sebarang waranti tersirat tentang keselarasan dengan perihalnya.

e) Untuk membuat tuntutan di bawah Waranti Terhadap terhadap Kecacatan, anda hendaklah menghubungi TomTom dengan e-mel semasa Tempoh Waranti melalui <http://www.tomtom.com/support> untuk menjelaskan Kecacatan dan mendapatkan nombor Kebenaran Bahan Pulangan jika perlu. Perisian atau Perkakasan harus dipulangkan kepada TomTom secepat mungkin berikutan makluman Kecacatan oleh anda, bersama-sama dengan penjelasan tentang Kecacatan, kepada alamat yang diberikan oleh TomTom. Anda hendaklah mematuhi sebarang prosedur pulangan lain yang ditetapkan oleh TomTom, jika ada.

f) Waranti Terhadap ini adalah satu-satunya waranti nyata yang dibuat kepada anda dan disediakan untuk menggantikan sebarang waranti nyata atau obligasi yang serupa (jika ada) yang diwujudkan oleh sebarang pengiklanan, dokumen, pembungkusan atau komunikasi lain.

g) Peruntukan klausa 10 ini tidak menjejaskan sebarang hak undang-undang anda di bawah perundangan negara yang terpakai yang mengawal penjualan barangan pengguna.

h) Waranti Terhadap ini tidak boleh dipindahkan.

11) Pembatasan Liabiliti

a) Sehingga ke tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai, baik TomTom mahupun pembekal dan subkontraktornya tidak bertanggungjawab kepada anda atau kepada mana-mana pihak ketiga bagi sebarang gantirugi sama ada secara langsung, tidak langsung, sampingan, berbangkit atau sebaliknya (dalam setiap keadaan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, gantirugi kerana ketidakupayaan untuk menggunakan atau mengakses Produk, kehilangan data, kehilangan perniagaan, kehilangan keuntungan, gangguan perniagaan atau sebagainya) yang berbangkit daripada penggunaan atau ketidakupayaan untuk menggunakan Produk, meskipun jika TomTom telah dimaklumkan tentang kemungkinan adanya gantirugi sedemikian.

b) Meskipun sebarang gantirugi yang mungkin ditanggung oleh anda atau mana-mana pihak ketiga atas sebarang sebab pun jua (termasuk, tanpa had, semua gantirugi yang dirujuk di dalam ini dan semua gantirugi terus atau am dalam kontrak atau apa-apa jua), keseluruhan liabiliti TomTom dan mana-mana pembekalnya yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan penggunaan Produk adalah terhad kepada jumlah yang sebenarnya dibayar oleh anda bagi Produk tersebut.

c) TomTom tidak bertanggungjawab atas (i) sebarang fraud oleh pekerja dan/atau agennya; atau (ii) sebarang salah nyata fraud oleh pekerja dan/atau agennya.

d) Meskipun mana-mana perkara di atas atau perkara lain yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini, tiada apa-apa di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini boleh membataskan liabiliti mana-mana pihak bagi kematian atau kecederaan diri diakibatkan oleh kecuaiannya sendiri.

e) Pembatasan liabiliti di atas tidak menjejaskan sebarang hak undang-undang di bawah perundangan negara yang terpakai.

12) Force Majeure

Force majeure bermakna keadaan yang menyekat TomTom daripada memenuhi obligasinya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini, yang bukan di dalam kawalan munasabah TomTom, termasuk penghantaran lewat dan/atau tertangguh dan penghantaran tidak lengkap oleh TomTom disebabkan oleh keadaan di luar kawalan munasabah TomTom. Dalam situasi force majeure, semua obligasi TomTom akan digantung. Sekiranya TomTom tidak dapat memenuhi obligasinya akibat daripada force majeure buat tempoh masa yang berterusan selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari kalendar, kedua-dua pihak berhak untuk membubarkan perjanjian pembelian secara bertulis tanpa adanya sebarang obligasi untuk membayar sebarang pampasan pun jua berbangkit daripada atau berhubung dengan pembubaran itu.

13) Privasi

TomTom tidak akan mendedahkan maklumat berhubung dengan butir-butir peribadi, akaun atau transaksi anda kepada mana-mana pihak ketiga melainkan selaras dengan Dasar Privasinya seperti yang dipaparkan dalam laman web <http://www.tomtom.com/legal>. Anda dengan ini bersetuju bahawa anda telah membaca dan menerima Dasar Privasi tersebut.

14) Pautan kepada Laman Web Pihak Ketiga

TomTom tidak bertanggungjawab bagi kandungan sebarang laman web atau perkhidmatan pihak ketiga, sebarang pautan yang terkandung dalam laman web atau perkhidmatan pihak ketiga, atau sebarang perubahan atau pengemaskinian kepada laman web atau perkhidmatan pihak ketiga. Di mana TomTom menyediakan pautan dan/atau akses kepada laman web dan/atau perkhidmatan pihak ketiga ini hanyalah suatu kemudahan buat anda, dan kemasukan sebarang pautan atau akses tidak menandakan sokongan oleh TomTom terhadap laman atau perkhidmatan pihak ketiga tersebut.

15) Hak Pihak Ketiga

Pihak ketiga tidak mempunyai apa-apa hak di bawah perundangan yang terpakai berhubung dengan hak pihak ketiga untuk bergantung kepada atau menguatkuasakan sebarang terma dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini tetapi ini tidak menjejaskan sebarang hak atau remedi pihak ketiga yang wujud atau tersedia selain daripada perundangan yang terpakai tersebut.

16) Keberterusan

Sebarang peruntukan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini yang menurut sifatnya menjangkau tempoh selepas penamatan atau luputnya sebarang penjualan atau lesen Produk akan kekal berkuat kuasa.

17) Kebolehasingan

Jika sebarang peruntukan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini dianggap batal, tidak sah, tidak boleh dikuat kuasa atau menyalahi undang-undang, peruntukan lain akan terus berkuat kuasa. Anda dan TomTom dianggap menyetujui terma dan syarat baru untuk menggantikan peruntukan yang tidak sah tersebut. Terma dan syarat baru ini hendaklah ditakfsirkan, berhubung dengan kandungan dan kesannya, setepat yang mungkin dengan teks asal yang ditulis tetapi dalam sedemikian cara sehingga hak-hak semenangnya boleh berpunca daripadanya.

18) Undang-undang mengawal

Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan sebarang pertikaian berkaitan dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau dengan pembelian dan penggunaan Produk atau sebaliknya adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu tentang Kontrak bagi Penjualan Barangan Antarabangsa dengan ini dikecualikan keterterapannya terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Semua pertikaian yang berbangkit daripada Terma-terma dan Syarat-syarat ini hendaklah diselesaikan oleh mahkamah di mana anda berdomisil secara undang-undang atau di mana anda menetap, yang akan mempunyai bidang kuasa eksklusif terhadap sebarang pertikaian sedemikian.

19) Terjemahan

Versi Bahasa Malaysia bagi terma-terma dan syarat-syarat ini adalah versi yang berkuat kuasa bagi pembelian anda.

20) Soalan

Seandainya anda mempunyai sebarang soalan, cadangan atau aduan berhubung dengan pesanan anda, pembelian anda, Terma-terma dan Syarat-syarat ini, atau jika anda ingin menghubungi TomTom atas apa-apa sebab jua, sila utarakannya melalui e-mel dengan melayari laman web TomTom di <http://www.tomtom.com/support>.

Version Sep 2011.